

Dr. pelatih

BH - 6 JUN 1977

dikecam

● Saya malu dengan sikap mereka yang sanggup membiarkan pesakit menderita semata-mata untuk kepentingan diri sendiri. ●

Memalukan profesen

doktor—Dr. M

KUALA LUMPUR, Ahad — Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini “adalah memalukan bagi profesen doktor bagi doktor-doktor pelatih menggunakan orang-orang sakit untuk kepentingan diri sendiri.”

Sambil membidas doktor-doktor pelatih yang menuntut elaun lebih tinggi dari memberi khidmat kepada para pesakit, Timbalan Perdana Menteri itu berkata:

“Saya sendiri berasa malu dengan sikap mereka yang sanggup membiarkan pesakit menderita semata-mata untuk kepentingan diri sendiri.”

Dr. Mahathir berkata demikian ketika mengulas tuntutan para doktor pelatih untuk mendapatkan elaun bulanan yang lebih tinggi selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan UMNO Bahagian Damansara di sini hari ini.

Tegas beliau, adalah tidak prektikal bagi para doktor pelatih mengutamakan kepentingan mereka sendiri dari kepentingan orang ramai dan pesakit khususnya dan negara amnya.

Beliau memberi amaran kepada mereka yang enggan berkhidmat sebagai doktor pelatih bahawa mereka tidak boleh berkhidmat sebagai doktor biasa jika tidak menjalani perkhidmatan itu.

Hari Sabtu lalu Kesatuan Doktor-doktor Pelatih Malaysia mengambil keputusan menolak tawaran Kerajaan untuk menambah elaun bulanan mereka sebanyak \$175, dari \$650 ke \$825 sebulan.

Kesatuan itu berpendapat, tuntutan mereka supaya elaun bulanan doktor pelatih ditambah ke peringkat \$1,105 adalah berpatutan.

Kesusahan

Dr. Mahathir menegaskan adalah wajib bagi seseorang itu berkhidmat sebagai doktor pelatih selama satu tahun sebelum ia boleh berkhidmat sebagai doktor dalam ertikata yang sebenar.

Kalau mereka enggan berkhidmat sebagai doktor pelatih, bermakna mereka tidak boleh berkhidmat sebagai doktor biasa, tegasnya.

Tambah beliau, di setengah negara asing, penuntut-penuntut yang baru lulus dari universiti diwajibkan bertugas sebagai doktor pelatih selama dua tahun dan ada pula penuntut-penuntut dikenakan bayaran untuk berkhidmat sebagai doktor pelatih di hospital-hospital tertentu.

“Kita hanya mewajibkan mereka berkhidmat sebagai doktor pelatih setahun dengan elaun bulanan pula,” jelas beliau.

“Masa saya menjadi doktor pelatih dahulu, saya hanya menerima elaun \$400 sebulan sedangkan doktor biasa dibayar gaji sebanyak \$700 sebulan.”

Katanya, Kerajaan tidak boleh memaksa mereka berkhidmat sebagai doktor pelatih, tetapi mereka sendiri juga akan menghadapi kesusahan kerana tidak boleh berkhidmat sebagai doktor biasa.

Memandangkan begitu banyak masa, tenaga dan wang ringgit yang telah digunakan untuk mendapat ijazah kedoktoran, adalah merugikan pada diri mereka sendiri kalau mereka tidak dapat berkhidmat.

Dr. Mahathir memberi amaran jika ada di antara mereka itu kemudiannya menyamar sebagai doktor, tindakan sewajarnya akan diambil.